

**SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED BETIK EKSTOTIKA**  
**Standard FAMA FS003 - 2000**

1. **SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk Betik Eksotika atau nama botaninya *Carica papaya L.* ~~var.~~ -Eksotika dari keluarga Caricaceae. Nama asalnya MARDI Backcross Solo.

Formatted: Font: Italic

2. **DEFINASI TERMA**

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

2.1 Kematangan - Terdiri daripada enam (6) indeks warna seperti berikut:

2.1.1 Indeks 1 - Belum matang. Seluruh permukaan kulit berwarna hijau sepenuhnya.

2.1.2 Indeks 2 - Buah matang. Permukaan kulit berwarna hijau dengan sedikit tompok kekuningan.

2.1.3 Indeks 3 - Permukaan kulit berwarna hijau melebihi permukaan yang berwarna kuning.

2.1.4 Indeks 4 - Masak. Permukaan kulit berwarna kuning melebihi permukaan yang berwarna hijau.

2.1.5 Indeks 5 - Seluruh permukaan kulit berwarna kuning dengan sedikit tompok hijau.

2.1.6 Indeks 6 - Terlalu masak. Keseluruhan permukaan kulit berwarna kuning hingga kuning oren.

~~1.1,2.2~~ Kematangan seragam - Konsainan dianggap seragam jika mempunyai satu indeks warna atau gabungan indeks warna yang hampir seperti 1 dan 2, 2 dan 3, dan sebagainya dalam satu-satu lot. **satu bungkusan.**

~~2.2.3~~

~~2.3.2.4~~ Segar - Betik Eksotika segar mempunyai permukaan kulit yang licin dan tekstur isi yang pejal (firm). Keadaan buah tidak layu, kulit tidak berkedut atau kecut.

~~2.4.2.5~~ Kotor - Betik Eksotika yang terdapat kesan-kesan bahan asing yang tidak dibersihkan seperti kesan getah, sarang serangga, tanah, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.

~~2.5.2.6~~ Kecacatan – Betik Eksotika yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor, cacat **bentuk** dan cacat rupa.

Formatted: Left, Indent: Left: 0.5", Hanging: 0.5", Outline numbered + Level: 2 + Numbering Style: 1, 2, 3, ... + Start at: 2 + Alignment: Left + Aligned at: 0.5" + Indent at: 0.75"

~~2.5.12.6.1~~ Cacat - Betik Eksotika yang bentuknya tidak normal atau sempurna seperti terbantut, bengkok atau berbonggol.

~~2.5.22.6.2~~ Cacat rupa - Tanda-tanda yang mencatatkan rupa luaran seperti berbintik (freckles), karat, nyahwarna luar biasa, kesan getah buah dan kesan parut yang tidak boleh dibersihkan, tetapi tidak menjejaskan isi buah. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit buah.

~~2.6.2.7~~ Rosak – Sebarang kecederaan atau kesan berikut yang akan menjejaskan kualiti isi, jangkahayat, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti;

~~2.6.12.7.1~~ Kesan kecederaan mekanikal seperti luka, pecah, lebam, calar dan kecederaan dingin.

~~2.6.22.7.2~~ Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.

~~2.6.32.7.3~~ Kesan jangkitan penyakit disebabkan organisma mikro, seperti busuk, reput dan berkulat.

### 3. **KEPERLUAN MINIMUM**

- 3.1 Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.
- 3.2 Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.3 Tangkai buah tidak melebihi 0.5 cm.
- 3.4 Telah mencapai tahap kematangan yang mencukupi (indeks 2 hingga indeks 5) seperti yang dikehendaki oleh pasaran. Kandungan bahan pepejal larut >10° Brix.

4. **PENGELASAN GRED DAN SAIZ**

4.1 Betik Eksotika dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelongsaran (Maksimum)
<b>Premium</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq$ 5% Segar $\leq$ 5% Rosak $\leq$ 3 % Kecacatan $\leq$ 5% Keseragaman saiz $\leq$ 5%
<b>1</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq$ 5% Segar $\leq$ 5% Rosak $\leq$ 5% Kecacatan $\leq$ 5% Keseragaman saiz $\leq$ 10%
<b>2</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq$ 10% Segar $\leq$ 10% Rosak $\leq$ 10% Kecacatan $\leq$ 10% Keseragaman saiz $\leq$ 10%

4.2 Bagi Betik Eksotika, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) sepertimana jadual berikut;

Saiz	Kod	Berat (g)
Lebih besar	XL	> 850
Besar	L	651 – 850
Sedang	M	451 – 650
Kecil	S	250 - 450

Rujukan Standard: *Specification for Fresh Eksotika Papaya MS: 1145:2003 (~~2004~~)*

5. **PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN**

5.1 Pembungkusan

- 5.1.1 Betik Eksotika daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh
- 5.2.2 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod Pengeksport
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran Syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

6. **PERSAMPELAN**

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 "Method of Sampling Fresh Fruits", atau kaedah statistik yang dipersetujui.